

Buletin

e-ISSN: 2600-8289

Rabiulakhir - Jamadilakhir 1443 / Disember 2021

ACIS

Kepimpinan Belia dalam Islam



eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah
Nasif Sidquee Pauzi
Nur Sofiah binti Suhaimi

Sidang Pengarang:

Mohd Hidayat Mahadi
Nur Sofiah binti Suhaimi
Nur Nabilah Azimoha

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan
artikel akademik atau apa-apa
hasil karya?

Hantarkan ke
buletinacisnsdk@gmail.com

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah Buletin ACIS siri ke-38 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini adalah "**Kepimpinan Belia dalam Islam**".

Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

Kepimpinan Belia dalam Islam 3

Kematian yang Sebenar 5

Pohon Epal yang Kesunyian 6

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan sebulan sekali



<https://www.facebook.com/ACISN9>

Kepimpinan Belia dalam Islam

Oleh: Mohd Hidayat bin Mahadi

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari. UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Kepimpinan belia menurut kaca mata Islam yang sebenar mencakupi perkara dunia dan juga ukhrawi. Atas dasar inilah belia Malaysia perlu mempunyai kemahiran dalam kepimpinan. Seorang belia yang memimpin mempunyai semangat berjemaah, mempunyai perancangan jangka pendek dan panjang yang jelas, menggalakkan pendapat yang kritikal serta pemikiran yang tidak terkongkong, tidak mengamalkan pilih kasih, berusaha menjana daya intelek yang tajam, sentiasa benar dan luhur dalam perbicaraan dan yang paling penting ialah mengutamakan tuntutan agama daripada yang lainnya (Nik Safiah. 2015).

Konsep Islam dalam pembangunan belia adalah bersumberkan kepada al-Quran dan juga as-Sunnah menerusi landasan akidah, syariah dan juga akhlak. Aspek terpenting yang lahir dari komponen tersebut adalah untuk membangunkan belia melalui pembangunan spiritual ummah berasaskan kepada kekuatan rohani untuk membina suatu peradaban yang cemerlang dan mampan (Fadillah & Tengku Sarina. 2008). Firman Allah SWT dalam al-Quran menyatakan:

وَلَمَّا بَأْتَعَ أَشَدَّهُ أَيْنِهِ حُكْمًا وَعِلْمًا وَكَذِلِكَ نَجَزِ الْمُحْسِنِينَ

"Dan ketika Yusuf sampai ke peringkat umurnya yang sempurna keuatannya, Kami beri kepadanya kebijaksanaan serta ilmu pengetahuan; dan demikianlah Kami membala orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya."

وَرَأَوْدَتْهُ اللَّهُ هُوَ فِي بَيْتِهَا عَنْ نَفْسِهِ وَغَلَقَتِ الْأَبْوَابِ وَقَالَتْ هَيْثَ لَكَ قَالَ
مَعَادُ اللَّهِ إِنَّهُ رَبِّيْ أَحْسَنَ شَوَّايْ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ

"Dan perempuan yang Yusuf tinggal di rumahnya, bersungguh-sungguh memujuk Yusuf berkehendakkan dirinya; dan perempuan itu pun menutup pintu-pintu serta berkata: "Marilah ke mari, aku bersedia untukmu". Yusuf menjawab: "Aku berlindung kepada Allah (dari perbuatan yang keji itu); sesungguhnya tuanku memuliharaku dengan sebaik-baiknya; sesungguhnya orang-orang yang zalim tidak akan berjaya"

(Surah Yusuf: 22-23)

Melalui ayat tersebut, dapat difahami bahawa definisi belia menurut gambaran yang dibawa oleh Nabi Yusuf as sebagai seorang belia yang bijaksana serta berilmu dan sempurna akal serta tubuh badannya. Belia yang terbaik menurut Islam adalah belia yang mempunyai akidah yang kuat mengesakan Allah SWT, sentiasa berpegang kepada hukum syarak dan mempunyai akhlak yang kukuh.

Konsep pembangunan belia dalam konteks Islam lebih memberi penekanan terhadap kesedaran betapa perlunya setiap individu mengetahui tentang apa yang perlu dilakukan dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala tindakan yang dilakukan supaya ia menjadi sebahagian daripada amalan yang terbaik. Pembangunan belia dalam konteks pengurusan Islam bukan sekadar meningkatkan tahap pendidikan, malah perlu mempunyai kecekapan dan akhlak yang terpuji, kesungguhan dan keyakinan. Sekaligus berupaya menghasilkan

warga belia yang mempunyai pemikiran minda kelas pertama beserta personaliti yang unggul (Abdul Rahman, 2006).


Belia melalui kekuatan jasmani dan rohani adalah aset terpenting yang seharusnya dijana sebaik mungkin demi mencapai al-falah iaitu kejayaan di dunia dan di akhirat. Justeru, pembinaan akidah yang mantap dan sesuai dengan landasan ajaran Islam adalah merupakan tunjang penting dalam pembentukan masyarakat yang harmoni serta cemerlang di dunia dan akhirat. Firman Allah SWT dalam al-Quran Surah al-Isra' ayat 23:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَاهُ وَبِالْوَالِدِينِ احْسَنَا إِنَّمَا يَنْهَا عَنْ دُنْكَ الْكَبَرِ
أَخْذُهُمَا أَوْ كِلْهُمَا فَلَا تَقْلِ لَهُمَا أَفْ وَلَا تَتَهَرَّهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya Engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata, dan hendaklah Engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah Engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "ahh", dan janganlah Engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).

Menurut Ibnu Kathir, di dalam ayat ini Allah SWT memerintahkan agar setiap Muslim itu berbuat baik kepada ibu bapa. Hal ini kerana berbuat baik kepada ibu bapa adalah salah satu daripada konsep ibadah dalam Islam. Dalam hal ini, sudah tentulah tanggungjawab untuk berbuat baik kepada ibu bapa itu adalah tanggungjawab dan tugas bagi golongan belia. Ibnu Kathir juga turut menyatakan bahawa intipati lain ayat ini adalah tanggungjawab golongan belia untuk mencari ilmu pengetahuan dan bekerja keras serta bersungguh-sungguh. Hal ini kerana golongan belia merupakan aset yang sangat penting bagi pembangunan sosial masyarakat.

Hakikatnya, golongan belia adalah golongan yang perlu dipertingkatkan keimanan dan juga ketaqwaan, memeliha daripada melakukan perkara yang haram dan mungkar, sentiasa bersabar, bersyukur, berzikir, berdoa dan bertaubat, tidak menuruti kehendak nafsu, serta tidak menyakiti orang lain (Mohd Ismail, 2005).



Hal ini kerana generasi muda yang terdiri dari golongan belia yang memiliki kemampuan ilmu dan taqwa akan turut memiliki kekuatan dari sudut pertimbangan akal, jati diri, integriti dalam tanggungjawab dan berakhlik tinggi. Sebuah hadith Nabi Muhammad SAW menegaskan bahawa kejayaan bagi suatu sistem itu adalah ianya mampu untuk melahirkan generasi yang bertaqa wa serta berakhlik mulia. Sabda Nabi Muhammad SAW yang dinukilkhan al-Imam al-Nawawi dalam kitab Hadith 40; *Datang seorang sahabat yang bernama Abu Zar bertemu dengan baginda Nabi SAW. Beliau bertanya: "Wahai Rasulullah, ajarkanlah kepadaku suatu amalan yang mendekatkan aku dengan syurga dan menjauhkan aku dari api neraka". Rasulullah SAW menjawab, "apabila kamu melakukan dosa, maka kerjakanlah kebaikan, kerana kebaikan itu (pahalanya) sepuluh kali ganda". Kemudian Abu Zar berkata lagi; Aku bertanya: "Ya Rasulullah, adakah Laa Ilaaha illAllah termasuk dalamnya kebaikan?". Lalu Rasulullah SAW membala, "Ia adalah sebaik-baik kebaikan".*

Oleh itu, ini jelas menunjukkan bahawa al-Quran dan hadith amat menekankan manusia supaya membina masyarakat melalui pembentukan generasi belia yang cemerlang dengan memiliki kesempurnaan ilmu pengetahuan serta bertaqa wa kepada Allah SWT. Taqwa itu diertikan dengan makna patuh kepada perintah Allah SWT, serta menjauhi daripada larangan-larangan-Nya (Nurul Izzati Nazirmuddin et al., 2011).

Model Kepimpinan dalam Islam

Matlamat utama kepimpinan dalam Islam adalah untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Menurut Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2001), dalam kepimpinan Islam terdapat lima prinsip asas yang digariskan. Pertamanya ialah berpandukan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Hal ini kerana al-Quran dan as-Sunnah merupakan sumber perundungan Islam yang tertinggi. Bahkan sebagai umat Islam, Allah SWT telah meletakkan manusia di muka bumi ini sebagai khalifah iaitu pemimpin untuk melaksanakan tugas dan juga memikul tanggungjawab sebagai pentadbir melalui firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 30 yang bermaksud: *"Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi ini". Kemudian malaikat bertanya, (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata: "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal Kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahui".*

Dalam kitab tafsir yang dikarang oleh Wahbah al Zuhaily (2007) ada menegaskan bahawa ayat tersebut menyatakan dengan jelas bagaimana Allah SWT mahu menjadikan seorang khalifah (pemimpin) di muka bumi ini. Khalifah yang berperanan untuk memakmurkan bumi serta menjadi penghuninya untuk melaksanakan hukum-hukum Allah SWT dalam kalangan manusia. Setiap generasi yang lahir akan membawa tanggungjawab ini hingga alam ini menjadi makmur sejahtera.

Nabi Muhammad SAW pula adalah contoh teladan yang paling sempurna dan tersohor dalam kepimpinan Islam yang tidak terbatas hanya kepada umat Islam sahaja, tetapi juga kepada mendapat pengiktirafan daripada semua masyarakat dunia (Akmal Noor, 2015). Hal ini kerana Islam amat mementingkan konsep kepimpinan menerusi teladan. Umumnya, kepimpinan melalui teladan boleh diertikan dengan seorang ketua yang dilantik dan mendapat sokongan daripada

semua pihak demi untuk menjayakan kumpulannya. Hal ini tidak akan tercapai melainkan dengan wujudnya jalinan yang erat antara pemimpin dengan pihak yang dipimpin tanpa adanya garis pemisah antara satu sama lain. Bahkan, pemimpin itu sendiri hendaklah menjadi contoh teladan dalam segenap hal kebajikan serta tindak-tanduknya (Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, 2001).

Menurut Aan Rukmana (2010), terdapat beberapa syarat yang mutlak yang harus dimiliki untuk mewujudkan kepimpinan Islam yang dinamik, iaitu nilai-nilai utama seperti kejujuran (siddiq), amanah (amanah), menyampaikan (tabligh) dan cerdas (fatanah). Di samping itu, ia juga mestilah memiliki sifat-sifat yang positif seperti berfikiran terbuka (open minded), mudah menolong orang lain dan mencintai diri sendiri. Seorang pemimpin juga amat dituntut untuk memiliki gaya kepimpinan sehingga menjadikannya layak untuk memimpin seperti kemampuan berbahasa dengan baik, memiliki pengetahuan yang luas, dan juga memiliki kekuatan dalam menyelesaikan banyak persoalan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, model kepimpinan belia yang sesuai mengikut kerangka Islam adalah berperwatakan khalifah yang berpegang kepada al-Quran dan as-Sunnah. Selain itu, seorang belia mestilah mempunyai ciri-ciri seperti jujur, amanah, sentiasa menyampaikan ilmu, cerdas pemikiran, berfikiran positif dan terbuka serta sangat mudah menolong orang lain. Dalam konsep kepimpinan Islam juga, belia adalah golongan yang mendapat tempat utama di zaman pemerintahan baginda Nabi SAW. Sebagai contoh, ketika mana baginda Nabi SAW menerima wahu, umur baginda SAW telah menjangkau empat puluh tahun. Saidina Abu Bakar pula tiga tahun lebih muda dari baginda SAW. Saidina Umar al Khattab pula berusia dua puluh tujuh tahun ketika memeluk Islam. Manakala Saidina Uthman Bin al-Affan pula lebih muda daripada Rasulullah SAW dan Saidina Ali pula adalah yang termuda dalam kalangan mereka. Kesemua mereka ini adalah daripada golongan belia dan pemuda (Nasih Ulwan, 1994). Keadaan ini membuktikan bahawa belia mempunyai peribadi dan jati diri yang hebat, selain ilmu pengetahuan Islam ke arah pembentukan iman yang sempurna.

Hakikatnya, Islam memandang fitrah semula jadi manusia adalah cintakan kepada kesempurnaan, ketulusan, kebaikan, kesucian, dan pengabdian diri kepada Allah SWT. Penyakit-penyakit tersebut bukan lumrah bagi belia Muslim. Belia Muslim akan sentiasa dilingkungi kemahuan yang positif, menyuburkan minda dan jiwa (rohani) ke arah taqwa, keimanan, dan juga kegemilangan.

Tanggapan inilah yang merupakan asas utama yang perlu diperbetulkan dalam kalangan masyarakat dan belia. Sekiranya masyarakat dan belia mempunyai tafsiran yang betul terhadap peranan yang perlu dimainkan, maka pembentukan belia cemerlang melalui penyusunan semula akan menjadi lebih mudah dan lancar.



RUJUKAN

Al Quran

Aan Rukmana. 2010. Islamic Leadership: Visi Masa Depan Indonesia. Dlm: Jurnal Universitas Paramadina. Vol. 7, No. 4, Disember 2010: 265-275.

Abdul Rahman Ahmad. 2006. Pembangunan modal insan: Apa dan kenapa dalam konteks organisasi di Malaysia. Alor Star: Human Resources Academy.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2001. Demokrasi dan kepimpinan Islam, suatu perbandingan. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.

Al-Zuhaily, Wahbah. 2007. Tafsir al Munir. Juz 1. Petaling Jaya, Selangor: Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama Malaysia.

Fadillah Mansor & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim 2008. Pembangunan modal insan dari perspektif Pengurusan Islam. Journal al-Tamaddun, Vol. 3, 85-109.

- Mohd Ismail Mustari. 2005. Menjadi belia cemerlang. Bentong. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhd Akmal Noor @ Buang Rajikon et al. 2015. Teori gaya kepimpinan Barat diadaptasi daripada teori gaya kepimpinan Islam. Dlm: Jurnal al Hikmah. Vol. 8. & No. 1. Januari-Jun 2015: 73-91.
- Nik Safiah Nik Abdullah; Selamah Maamor; Norazlina Abd. Wahab. 2015. Pembangunan belia dari perspektif pengurusan Islam. Dlm: Journal of Global Business And Social Entrepreneurship. 1(2). 61-67.
- Nurul Izzati Nazirmuddin; Nazirmuddin Ahmad. 2011. Pembangunan modal insan di Malaysia: Satu analisis dari perspektif al-Hadith. Dlm: Sunnah Nabi, realiti dan cabaran semasa. Kuala Lumpur: Jabatan al Quran dan al Hadith Akademi Pengajian Islam UM.



Ketakutan yang Sebenar

Oleh: Nur Sofiah binti Suhaimi

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari. UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Kematian adalah sesuatu yang pasti dilalui buat seluruh makhluk Allah SWT yang hidup. Hal ini kerana, yang tiada permulaan dan tiada pengakhiran itu hanya Allah SWT. Oleh itu, setiap makhlukNya pasti akan diakhiri kehidupannya. Diakhiri kehidupannya sama ada dalam keadaan dia bersedia mahupun tidak. Diakhiri kehidupannya sama ada dia menginginkannya mahupun tidak. Diakhiri kehidupannya walaupun terjaga kesihatan dan keselamatannya daripada segenap sisi. Kematian pasti akan datang menemui kita.

Saudaraku, alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT yang masih memberi kesempatan buat kita untuk bertaubat dan beramal pada hari ini. Bersyukur kita kepada Allah SWT yang telah memilih kita untuk menerima anugerah iman dan Islam dalam kehidupan kita. Keimanan dan keyakinan yang membolehkan kita tahu bahawa hakikat kehidupan akhirat itu adalah *khairun wa abqa* (lebih baik dan kekal abadi) berbanding kehidupan dunia. Keyakinan inilah yang menyebabkan kita

benar-benar mendambakan husnul khatimah (pengakhiran yang baik). Berharap agar kita aman di alam abadi dan tidak diselubungi rasa takut melalui hari-hari kehidupan di sana. Namun, bagaimakah cara untuk kita mendapatkannya? Bagaimakah untuk kita mendapatkan keamanan dan bukan ketakutan?

Terdapat sebuah hadith Qudsi yang telah diriwayatkan oleh Ibn Hibban;

حدث رواه ابن حبان في صحيحه والبيهقي في شعب الإيمان عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم فيما يرويه عن ربه جل وعلا قال: عزتني لا أجمع على عبدي خوفين وأمنين إذا خافي في

وإذا أمني في الدنيا أخافته يوم القيمة

Nabi S.A.W bersabda, "Bahawa Allah berfirman di dalam Hadith Qudsi: "Demi kemuliaan-Ku, Aku tidak menghimpunkan dua rasa takut kepada hamba-Ku dan tidak pula akan mengumpulkan baginya dua rasa aman (rasa tidak takut). Kalau dia berasa takut dengan Aku ketika di dunia, Aku akan jadikan dia rasa aman pada hari kiamat. Sebaliknya kalau dia rasa aman kepada Aku di dunia, maka Aku akan jadikan dia rasa takut di hari akhirat".

Berdasarkan hadith ini, Allah SWT menyatakan bahawa Allah SWT tidak akan menghimpunkan dua ketakutan dan dua keamanan kepada hambaNya. Tahukah kita apa yang dimaksudkan dengan dua ketakutan dan dua keamanan itu? Ia bermaksud 'Jika seseorang manusia itu takut kepada Allah semasa di dunia, Allah akan berikan padanya keamanan dan keselamatan pada hari kiamat tetapi sebaliknya jika dia merasa aman iaitu tidak takut melakukan maksiat terhadap Allah semasa di dunia, Allah akan berikan rasa takut padanya pada hari kiamat'. *Allahuakbar.*

Jadi, adakah untuk mendapatkan keamanan di hari kiamat, manusia perlu hidup dengan ada rasa takut kepada Allah SWT? Ya. Hidup dengan ada rasa takut pada Allah SWT. Takut kepada Allah SWT untuk membuat maksiat. Takut untuk melakukan perkara mungkar. Takut kepada kemurkaan Allah SWT. Takut untuk meninggalkan yang wajib. Takut untuk melakukan yang haram. Takut apabila menyedari masih banyak yang belum difahami tentang agama Allah SWT. Takut kepada Allah SWT. Rasa takut inilah yang akan memelihara diri daripada berada dalam melakukan dosa. Malah, dengan rasa takut pada Allah SWT jugalah yang mampu menggerakkan hamba untuk terus beramal.

Oleh itu, pasakkanlah rasa takut itu hanya pada Allah SWT. Hal ini kerana tanpa meletakkan rasa takut pada Allah SWT, dikhawatir kehidupan ini akan terus diselubungi rasa takut yang akhirnya merugikan kita pada hari kiamat nanti. Ketakutan yang tiada kebaikan dan hanya akan membinasakan. Marilah kita merujuk firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 175 yang bermaksud: "Sesungguhnya (pembawa berita) yang demikian itu ialah syaitan yang (bertujuan) menakut-nakutkan (kamu terhadap) pengikut-pengikutnya (kaum kafir musyrik). Oleh itu, janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kepadaKu (jangan cuaikan perintahKu), jika betul kamu orang-orang yang beriman"

Menurut tafsir Ibnu Kathir, yang dimaksudkan dengan menakut-nakutkan di sini adalah syaitan membuatkan seakan-akan syaitan dan para pengikutnya merupakan pasukan

yang mempunyai kekuatan dan perkasa. Kekuatan yang mampu menimbulkan rasa takut buat yang menentangnya. Lalu Allah SWT menyambung dalam ayat yang sama, "...janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kepadaKu". Hal ini kerana, hakikat yang memiliki kekuatan itu bukanlah syaitan. Allah SWT secara jelas telah menafikan kekuatan tersebut menerusi ayat 76 daripada surah An-Nisa', "...sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah". Syaitan dan para pengikutnya tidak memiliki kekuatan, sebaliknya yang memiliki kekuatan dan tidak akan pernah mampu dikalahkan itu hanyalah Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa' ayat 21 bermaksud 'Allah telah menetapkan: "Sesungguhnya Aku dan rasul-rasulKu tetap mengalahkan (golongan yang menentang), sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa".

Firman Allah SWT surah al-Hajj ayat 40 yang bermaksud "...dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong ugamaNya (ugama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa" dan firman Allah SWT surah Muhammad ayat 7 yang bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (ugama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu"

Justeru wahai saudaraku, ketahuilah. Ketakutan apabila diletakkan pada yang lemah itu merugikan. Ketiadaan rasa gentar pada yang memiliki segala kekuatan lagi Maha Perkasa pula akan berakhir dengan kekecewaan. Bantulah agama Allah SWT, nescaya engkau akan mendapatkan pembelaan dan pertolongan pemilik segala kekuatan dan kekuasaan. Takutlah pada yang Maha Kuat, nescaya tidak akan ada lagi yang mampu membuatmu takut.

Kematian itu pasti dan ia benar-benar menakutkan buat diri yang tidak membuat persediaan bertemu ilahi. Oleh itu, usah bertangguh lagi. Ayuh persiapkan diri dengan menjalani hayat ini dengan takut pada Allah SWT. Mudah-mudahan kematian yang ditakuti berubah menjadi nikmat yang dinanti.

Akhir kata,takutlah Allah SWT dalam kehidupan di dunia, moga keamanan buat kita di alam sana. Wallahu'lam.

Pokok Epal yang Kesunyian

Oleh: NUR NABILAH AZIMOHA

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Ini adalah kisah seorang budak lelaki bernama Amin dengan pokok epal. Pokok epal tersebut dijadikan sebagai tempat bermain-main dan meluangkan masa semasa dia kecil. Dia akan memanjat pokok epal sehingga ke dahan tertinggi, makan buahnya dan tidur seketika di bawah teduhan pokok tersebut. Pendek kata, Amin sangat sayangkan pokok epal itu dan pokok itu pun suka bermain dengannya.

Masa terus berlalu, Amin bukan lagi seorang budak kecil tetapi telah meningkat usia remaja. Dia tidak lagi bermain-main di sekitar pokok epal tersebut dan sudah lama pokok epal tersebut tidak dikunjungi teman setianya.

Suatu hari, Amin kembali mendatangi pokok epal itu, namun wajahnya kelihatan sedih. "Marilah bermain bersamaku," ajak pokok epal itu kepada Amin. "Saya bukan budak-budak lagi. Saya sudah tidak perlu lagi bermain dengan pokok epal," balas Amin. "Saya mahukan mainan komputer. Saya perlukan duit untuk membelinya." Pokok epal pun menjawab, "Maaf kerana saya tiada duit tetapi awak boleh petik buah-buah epal saya dan jual kesemuanya.

Awak akan dapat duit untuk membeli mainan kegemaran awak itu".

Amin berasa sangat teruja. Dia memetik kesemua buah epal untuk dijual dan berlalu pergi dengan gembiranya. Hajatnya kini tercapai. Namun, Amin tidak lagi kembali selepas itu dan pokok epal teramatlah sedih. Beberapa tahun berlalu. Pada suatu hari, pokok epal berasa gembira apabila melihat Amin kembali kepadanya dan kini menjadi seorang lelaki dewasa. "Marilah bermain bersamaku," kata pokok tersebut. "Saya tidak ada masa untuk bermain. Saya ada banyak kerja yang perlu dilakukan untuk keluarga saya. Saya perlu kumpulkan wang untuk mendirikan sebuah rumah untuk isteri dan anak-anak saya," ujar Amin, bekas teman karib pokok epal tersebut. Pokok epal yang terlalu sayang akan lelaki itu kerana itulah teman akrabnya lalu memberi pendapat, "Maaf saya tidak mempunyai rumah tetapi kamu boleh potong semua dahan-dahan saya untuk membina rumahmu."

Tanpa berlengah lagi, si pemuda itu pun memotong kesemua dahan-dahan pokok epal lalu berlalu dari situ dengan senang hati. Ditambah dengan bahan-bahan binaan yang telah



dikumpulkan, kayu-kayu dari pokok epal itu melengkapkan binaannya. Seperti biasa, pokok itu amat gembira kerana dapat bertemu dengan pemuda itu. Namun, rakan karibnya itu tidak muncul-muncul lagi selepas itu. Pokok epal itu tiada langsung berasa sedih walaupun tidak berdahan dan tidak berbuah lagi. Ia tetap gembira kerana dapat berbakti kepada lelaki tersebut. Namun, ia terus kecewa apabila teman akrabnya itu sekali lagi menghilangkan diri.

Suatu hari pada musim panas, Amin kembali ke pokok epal itu semula. "Marilah bermain denganku," kata pokok epal itu. "Saya semakin tua. Saya hanya mahu berlayar dan berehat," balas lelaki yang semakin di mamah usia itu. "Gunalah batang pohon saya untuk membina botmu. Kamu boleh berlayar dan bergembira." Amin telah menebang batang pokok epal tersebut dan membina sebuah bot. Kemudian, dia pergi berlayar dan tidak kembali menemui pokok epal yang kesunyian itu.

Akhirnya setelah lebih dua puluh tahun kemudian, Amin telah datang kembali. "Saya minta maaf, saya tidak mempunyai apa-apa lagi untukmu. Tiada lagi epal untukmu," kata pokok epal itu.

"Tidak mengapa, saya sudah tidak ada lagi gigi untuk menggigit," balas lelaki itu.

Pokok epal berkata lagi, "saya sudah tiada batang untuk kamu panjat."

"Saya sudah tua untuk itu," balas Amin.

"Saya memang tidak dapat memberikanmu apa-apa. Yang tinggal hanyalah tungkul kayu yang hampir mati," kata pokok epal dengan berlirungan air mata.

"Saya tidak perlukan apa-apa, hanya perlukan tempat untuk berehat. Saya sudah cukup letih selama ini," balas si Amin.

"Baguslah! Kalau begitu, sandarkanlah pada tungkul saya ni.



Inilah tempat yang sesuai untuk kamu berehat. Marilah! Duduk dekat saya dan berehatlah." Lelaki itu pun duduk bersandar pada tungkul pokok epal tersebut. Pokok epal itu sangat gembira dan terharu. Ia menangis kegembiraan.

KESIMPULAN

Anda kenal dengan pokok epal itu? Anda juga kenal akan pemuda atau lelaki itu? Pokok itu ibaratkan seperti ibu bapa kita. Semasa kita muda, kita suka bermain dengan ibu dan bapa kita. Namun apabila kita semakin membesar, kita tinggalkan mereka dan hanya kembali kepada mereka apabila kita dalam kesusahan. tidak kira apa-apa pun, ibu bapa sentiasa ada dan memberikan semua yang mereka mampu untuk membuatkan anaknya gembira. Jadi, kalau anda fikir lelaki itu bersifat zalim dengan pokok epal, renungkanlah tindakan anda terhadap ibu bapa anda.